

Persatuan Alumni UMS adakan mesyuarat agung hari ini

KOTA KINABALU: Persatuan Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan Mesyuarat Agung Persatuan Alumni UMS Kedua, di Galeri, Bangunan Canselor UMS, dekat sini, hari ini (Sabtu).

Mesyuarat itu akan dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Mesyuarat agung pada kali ini bertujuan

untuk membubarkan Ahli Jawatan Kuasa (AJK) bagi sesi 2003/2005, pembentukan AJK baru bagi sesi 2005/2007, pembentangan laporan oleh Setiausaha Agung dan Bendahari serta pembentangan/perbahasan usul.

Mesyuarat yang diadakan bermula pada pukul 9.00 pagi hingga tengahari itu akan turut dihadiri oleh wakil daripada bahagian Zon Tengah Semenanjung Malaysia.

DAILY EXPRESS, 16/04/2005, SABTU, MUKASURAT 2